

09 MAY 2003

Chua-Makmal (Bergambar)

TAMBAHAN RM5 JUTA UNTUK MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN

ALOR STAR, 9 Mei (Bernama) -- Kabinet telah meluluskan peruntukan tambahan RM5 juta bagi pembinaan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan di Sungai Buloh, Selangor, yang mampu menjalankan kajian terhadap beberapa penyakit berisiko tinggi.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata, makmal itu akan menjalankan kajian mengenai punca terhadap penyakit kebal ubat seperti SARS, Nipah dan AIDS.

"Sedikit daripada peruntukan itu akan disalurkan juga kepada Universiti Malaya bagi meningkatkan tahap keselamatan makmal kaji penyakitnya," katanya kepada pemberita selepas melawat Hospital Alor Star di sini hari ini.

Lawatan itu bagi meninjau langkah-langkah pencegahan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang dijalankan di hospital itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menyatakan bahawa kerajaan akan menubuhkan sebuah makmal serba lengkap bagi menjalankan kajian pantas mengenai punca penyakit kebal ubat.

Chua berkata makmal di Sungai Buloh itu akan siap penghujung tahun depan.

Beliau juga menjelaskan bahawa tahap keselamatan makmal berkenaan akan melangkaui ukuran P-3 tetapi tidak melebihi P-4.

Tahap P menunjukkan sistem keselamatan yang dipakai dalam makmal yang membuat kajian terhadap virus-virus berisiko tinggi yang boleh mengancam nyawa.

Di Malaysia terdapat dua makmal kaji penyakit iaitu di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) yang mempunyai tahap P-3 dan di Universiti Malaya yang mempunyai tahap P-2.

Setakat ini tiada negara Asia yang memiliki makmal kaji penyakit yang mempunyai tahap keselamatan P-4, kecuali terdapat satu di Australia.

Chua berkata, makmal-makmal tersebut nanti akan berhubung secara online dengan makmal-makmal kaji penyakit yang terdapat di seluruh dunia.

-- BERNAMA

MNH MAI